



BULETIN

Bil. 1 / 2015

# MPAJ



## “ YDP MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA THUMB PRINT DI HARI PERTAMA BERTUGAS ”

*Menarik di dalam:*

**14** Anugerah  
Perkhidmatan Cemerlang  
Tahun 2014

**13** Konvensyen  
Kumpulan Inovatif & Kreatif  
Peringkat MPAJ

**07** Rumah  
Terbuka Tahun Baru Cina  
Negeri Selangor



# SIDANG REDAKSI

## PENAUNG

TUAN HAJI ABD. HAMID BIN HUSSAIN  
YANG DIPERTUA

## PENASIHAT

TUAN HAJI HASROLNIZAM BIN SHAARI  
TIMBALAN YANG DIPERTUA

## KETUA EDITOR

PN. ROSLIZA BT. MOHD  
PENGARAH, JABATAN PERANCANGAN KORPORAT

## SIDANG EDITOR

PN. HASLIANA BT. ANNUAR HASHIM  
PN. UMI KALTHOM BT. MOHD BANUA

## PEMBANTU PENERBITAN

ZALEHA BT. SALLEH

## FOTOGRAFI

EN. MOHD YUSOF BIN YAACOB



**BULETIN MPAJ BIL. 1/2015 INI DITERBITKAN OLEH**  
JABATAN PERANCANGAN KORPORAT  
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA  
JALAN PANDAN UTAMA, PANDAN INDAH  
55100 KUALA LUMPUR, SELANGOR



JABATAN / BAHAGIAN	NO TELEFON
TALIAN BEBAS TOL ADUAN	1-800-22-8100
FAKSIMILE	03 - 4296 8050 / 8060
HOTLINE (24 JAM)	03 - 4296 8100
TALIAN UTAMA (OPERATOR)	03 - 4296 8000
PANTAS (BENCANA ALAM 24 JAM)	03 - 4280 9050
KAUNTER KHIDMAT PELANGGAN	
* KAUNTER PERTANYAAN	03 - 4296 8046
* KAUNTER EKSEKUTIF PELANGGAN	03 - 4296 8357
PEJABAT YANG DIPERTUA	03 - 4296 8090
PEJABAT TIMBALAN YANG DIPERTUA / SETIAUSAHA	03 - 4296 8099
JABATAN PERBENDAHARAAN	03 - 4296 8004
JABATAN PERANCANGAN KORPORAT	03 - 4297 5470
JABATAN PENGUATKUASA	03 - 4296 8024
* STOR	03 - 4296 8025
* TRAFIK	03 - 4280 7325
JABATAN BELIA & MASYARAKAT	03 - 4296 8012
JABATAN BANGUNAN & SENIBINA	03 - 4296 8009
JABATAN PERANCANG BANDAR	03 - 4296 8008
JABATAN KEJURUTERAAN	03 - 4296 5887
JABATAN PENILAIAN & PENGURUSAN HARTA	03 - 4296 8072
JABATAN PELESENAN	03 - 4280 3944
JABATAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN & KESIHATAN	03 - 4296 8007
JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN	03 - 4296 8037
JABATAN UNDANG - UNDANG	03 - 4296 8016
BAHAGIAN PESURUHJAYA BANGUNAN (COB)	03 - 4280 4675
BAHAGIAN PUSAT KHIDMAT SETEMPAT (OSC PEMBANGUNAN)	03 - 4280 5102
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM & SEKRETARIAT	03 - 4296 8271
BAHAGIAN UKUR BAHAN	03 - 4297 4424
BAHAGIAN AUDIT DALAM	03 - 4296 8188



## 2 JANUARI 2015 ~ TUAN HAJI ABD. HAMID BIN HUSSAIN DILANTIK YANG DIPERTUA MPAJ KE-7

Tanggal 2 Januari 2015 mencatatkan sejarah baru buat Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) apabila Tuan Haji Abd. Hamid Bin Hussain dilantik secara rasminya menjadi Yang Dipertua MPAJ yang ke - 7. Kredibiliti Tuan Haji Abd. Hamid Bin Hussain amat menyerlah semasa beliau memangku jawatan Yang Dipertua selama hampir 2 tahun selepas perpindahan mantan YDP terdahulu. Beliau sentiasa peka dengan isu semasa di kawasan MPAJ dan dikenali sebagai seorang YDP yang kerap menghadiri program serta majlis yang melibatkan masyarakat setempat. Ini dilihat positif dalam mewujudkan hubungan dua hala yang erat antara MPAJ dengan pelanggannya. Pengalaman sebagai Pegawai Tadbir di Majlis Perbandaran Petaling Jaya (kini Majlis Bandaraya Petaling Jaya) dan Setiausaha di Majlis Perbandaran Sepang dan Majlis Perbandaran Ampang Jaya menjadikan beliau seorang YDP yang mempunyai pengalaman serta pengetahuan yang tinggi di dalam selok belok pentadbiran pihak berkuasa tempatan (PBT). Semoga MPAJ terus maju di bawah pentadbiran seorang pemimpin yang berdedikasi dan mesra pelanggan. Majlis Perakuan Terima Jawatan Yang Dipertua oleh Tuan Hamid telah diadakan pada 13 Januari 2015 di hadapan semua Ahli Majlis dan Ketua Jabatan MPAJ.

## 2 JANUARI 2015 ~ TUAN HAJI ABD. HAMID BIN HUSSAIN APPOINTED AS THE 7TH PRESIDENT OF MPAJ

A history was made on 2nd January 2015 when Tuan Haji Abd. Hamid Bin Hussain was officially appointed as the 7th President of MPAJ. Tuan Haji Abd. Hamid Bin Hussain has shown a high quality of administration skill when he held the post of president for nearly two years after the reshuffling of the previous President. He is always aware of the current issues in the council area and was known as a friendly president who loves attending programs involving the local community. This has given a positive impact in creating a stronger bilateral relationship between the council and its customers. His experience as an Administrative Officer in Petaling Jaya Municipal Council (now the Petaling Jaya City Council) and the Secretary of Sepang Municipal Council and Ampang Jaya Municipal Council made him a very experienced and knowledgeable president. May MPAJ continue its glory under the administration of a very dedicated and friendly leader. Official ceremony for Tuan Hamid accepting to be the President of MPAJ was held on 13 January 2015 in the presence of all members of the Council and head of departments.



<http://www.mpaj.gov.my>



[hotline@mpaj.gov.my](mailto:hotline@mpaj.gov.my)



[www.facebook.com/mp.ampangjaya](https://www.facebook.com/mp.ampangjaya)



[twitter.com/mp\\_ampangjaya](https://twitter.com/mp_ampangjaya)



[youtube.com/ampangjaya](https://www.youtube.com/ampangjaya)



**MISI BANTUAN BANJIR ~ KELANTAN**  
#prayforpantaitimur

Bersimpati dengan bencana banjir yang melanda Kelantan, MPAJ telah sama-sama menyertai Misi Bantuan Banjir yang digerakkan oleh pihak Kerajaan Negeri Selangor bermula penghujung tahun 2014 sehinggalah ke bulan Januari 2015. MPAJ telah dipertanggungjawabkan untuk membantu tiga (3) kawasan di Kelantan iaitu Manek Urai Lama, Taman Orked dan Taman Berkat. Seramai 85 orang kakitangan MPAJ dengan pelbagai bantuan logistik termasuk 12 lori telah sama-sama bekerjasama dalam membersihkan rumah mangsa banjir, kawasan awam dan tempat ibadah. Selain sumbangan tenaga, MPAJ turut memberi sumbangan 3 lori bantuan berbentuk makanan, pakaian dan barang keperluan. Pada 10 Januari 2015, YAB. Dato' Menteri Besar Selangor telah sudi melawat ke kawasan banjir dan telah sama-sama berganding bahu untuk membantu penduduk di kawasan tersebut.



**FLOOD RELIEF MISSION ~ KELANTAN**  
#prayforpantaitimur

*Sympathize with the disastrous floods in Kelantan, MPAJ has join the Selangor Flood Relief Mission. MPAJ has been requested to give a helping hand to three (3) areas that were Manek Urai Lama, Taman Orked and Taman Berkat. A total of 85 employees of the council with a variety of logistical support, including 12 trucks were used in cleaning houses for the flood victims, public areas and places of worship. In addition, MPAJ also contributed three lorries of food, clothing and household goods. On 10 January 2015, the Chief Minister of Selangor himself visited the affected areas to give a helping hand.*

**SAMBUTAN MAULIDUR RASUL PERINGKAT DAERAH GOMBAK 1436H / 2015M**

Bersempena dengan sambutan Maulidur Rasul, Majlis Perbandaran Ampang Jaya telah menyertai program Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Daerah Gombak bertempat di Masjid Al-Ansar, Keramat AU2 pada 17 Januari 2015. YAB. Dato' Menteri Besar Selangor, YAB. Tuan Mohamed Azmin Bin Ali; Orang Besar Daerah Gombak, YAD. Tan Sri Dato' Paduka Raja Dato' Haji Wan Mahmood Bin Pa'wan Teh; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Hulu Kelang, YB. Tuan Shaari Bin Sungib; dan Yang Dipertua MPAJ, Tuan Haji Abd. Hamid Bin Hussain telah sama-sama berarak bersama pemimpin dan penduduk setempat di kawasan Gombak.

**GOMBAK DISTRICT 1436H MAULIDUR RASUL CELEBRATION**

*In conjunction with the Prophet Muhammad's birthday, Ampang Jaya Municipal Council (MPAJ) participated in the Gombak District 1436H Maulidur Rasul Celebration that was held at Al-Ansar Mosque, Keramat AU2 on 17 January 2015. Selangor Chief Minister, YAB. Tuan Mohamed Azmin Bin Ali; Orang Besar Daerah Gombak, YAD. Tan Sri Dato' Paduka Raja Dato' Haji Wan Mahmood Bin Pa'wan Teh; Hulu Kelang Assemblyman, YB. Tuan Shaari Bin Sungib; and MPAJ President, Tuan Haji Abd. Hamid Bin Hussain joined the Maulidur Rasul parade.*



**PERBINCANGAN KERJASAMA STRATEGIK PROGRAM PEMANTAUAN CERUN MENGGUNAKAN TEKNOLOGI DARIPADA JEPUN**

Selaras dengan usaha memperkasakan proses pemantauan cerun di kawasan MPAJ, satu sesi perbincangan bagi tujuan kerjasama strategik telah diadakan pada 21 Januari 2015 antara pihak pengurusan MPAJ dengan wakil SlopeWatch dan wakil syarikat OYO Corporation daripada negara Jepun. Tujuan perbincangan adalah bagi melihat kesesuaian kerjasama strategik antara pihak MPAJ dan SlopeWatch dalam membawa teknologi analisa taburan hujan dari Jepun untuk ditempatkan di kawasan Bukit Antarabangsa. Dua orang wakil dari Jepun telah membuat pembentangan produk dan ianya dilihat positif dalam usaha mempelbagai program kerjasama di bawah konsep Local Agenda 21 (LA21).

**STRATEGIC PARTNERSHIP DISCUSSIONS FOR JAPAN'S SLOPE MONITORING TECHNOLOGY**

*In line with the efforts to strengthen MPAJ's slope monitoring process, a strategic discussion between representative from MPAJ, SlopeWatch and OYO Corporation was held on 21 January 2015. The discussion was aimed to study the relevance of strategic cooperation between MPAJ and SlopeWatch in bringing rainfall analysis technology from Japan to be placed in Bukit Antarabangsa. Two representatives from Japan gave a presentation of the product and it is viewed positively in the efforts to diversify the cooperation program under the Local Agenda 21 (LA21).*

**BENGKEL SASARAN KERJA TAHUNAN 2015 DAN PENCAPAIAN SASARAN KERJA TAHUN 2014 MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

Pihak pengurusan MPAJ telah mengadakan Bengkel Sasaran Kerja Tahunan 2015 dan Pencapaian Sasaran Kerja Tahun 2014 pada 1 hingga 3 Februari 2015 bertempat di Hotel Awana, Genting Highland. Bengkel membincangkan prestasi pencapaian kerja tahun 2014 bagi setiap jabatan bagi mengenalpasti kelemahan dan punca masalah kepada kelemahan tersebut. Seterusnya penelitian dilakukan ke atas sasaran kerja tahunan 2015 bagi merangka strategi terbaik bagi mencapai misi dan visi MPAJ selaras dengan Pelan Strategik 2015-2020.

**2015 ANNUAL WORK TARGET AND 2014 ANNUAL WORK ACHIEVEMENT WORKSHOP**

*The 2015 Annual Work Target and 2014 Annual Work Achievement Workshop was held from 1 until 3 February 2015 at the Awana Hotel, Genting Highland. The workshop focused on the performance and achievement in 2014 for each department. Weaknesses were identified together with the cause of problems in order to make new strategy for the following year. Based on 2014 weaknesses, a proper plan was conducted on the 2015 annual work targets to achieve the mission and vision of MPAJ in accordance with MPAJ Strategic Plan 2015-2020.*



**BENGKEL PENCAPAIAN SASARAN KERJA (JULAI DISEMBER 2014) & SASARAN KERJA TAHUNAN (JANUARI DISEMBER 2015) PENGURUSAN TERTINGGI MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA 1-3 FEBRUARI 2015**





**WATAN POST ACCEPTANCE CEREMONY FOR COUNCILORS 2015**

2015 telah menyaksikan pelaksanaan sesi 2015 dan Rakyat Menteri Haron. Ahli Majlis daripada la PKR.

*Post Acceptance Ceremony For Councilors took place on 17 February 2015, where a total of nine Council members were reappointed for the 2015 session while two new appointment from PKR that are Tuan Lim Tim Chai and Puan Nor Hayati Binti Haron. With the appointment, the 24 councilors quota for MPAJ are fully filled with 7 councilors from PAS, 6 from DAP and 11 from PKR.*



**SAMBUTAN MAJLIS RUMAH TERBUKA TAHUN BARU CINA PERINGKAT NEGERI SELANGOR 2015**

Padang Perbandaran MPAJ telah menjadi lokasi pilihan bagi sambutan Majlis Rumah Terbuka Tahun Baru Cina Peringkat Negeri Selangor 2015 pada 28 Februari 2015. Sambutan peringkat negeri ini menyaksikan sambutan yang amat menggalakkan dengan anggaran pengunjung seramai 8,000 orang. Pengunjung dihidangkan dengan pelbagai juadah makanan dan beberapa persembahan kebudayaan kaum Cina di Malaysia. YAB. Dato' Menteri Besar Selangor, YAB. Tuan Mohamed Azmin Bin Ali telah sudi hadir bagi acara perasmian. Antara jemputan yang hadir adalah Ahli-ahli Parlimen di bawah pentadbiran Negeri Selangor, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Selangor, duta dan perwakilan daripada luar Negara serta pelabur-pelabur di Selangor. Sambutan yang baik daripada penduduk yang berbilang kaum memperlihatkan kemakmuran rakyat di Selangor.

**SELANGOR CHINESE NEW YEAR OPEN HOUSE CELEBRATION 2015**

Selangor Chinese New Year Open House celebration was held on 28 February 2015 at Padang Perbandaran MPAJ. The state-level celebration witnessed an overwhelming response, with an estimated total of 8,000 visitors. Customers are served with a variety of cuisines and some Chinese cultural performances. The launching of the ceremony was done by the Chief Minister of Selangor, YAB. Tuan Mohamed Azmin Bin Ali. Among the guests attending the Chinese New Year celebration were members of Parliament under the administration of the Selangor State, members of the Selangor State Assembly, ambassadors and representatives of foreign countries and investors in Selangor. Positive response from people of different races shows the prosperity of the people in Selangor.





**SIRKIT MOUNTAIN BIKE BUKIT INDAH  
MPAJ / TEKAS SIRI 1/2015**

**MPAJ / TEKAS BUKIT INDAH  
MOUNTAIN BIKE CIRCUIT SERIES  
1/2015**

Seramai 700 orang telah menyertai program Sirkuit Mountain Bike Bukit Indah MPAJ/TEKAS Siri 1/2015 yang berlangsung pada 1 Mac 2015. Program yang berlangsung dari jam 8 pagi sehingga jam 6 petang itu telah diadakan di Trek Basikal MTB Bukit Indah Ampang. Program yang menggalakkan cara hidup sihat melalui sukan berbasikal ini adalah hasil kerjasama antara MPAJ dengan pihak TEKAS (Team Kayuh Ampang Santai) dan PKBM. Yang Dipertua MPAJ, Tuan Haji Abd. Hamid Bin Hussain; Pemangku Setiausaha, En. Johari Bin Atli; dan Pengarah Jabatan Belia dan Masyarakat, En. Khairilazhar Bin Ismail telah sama-sama berbasikal semasa program tersebut.

*A total of 700 participants joined the MPAJ / TEKAS Bukit Indah Mountain Bike Circuit Series 1/2015 that was held on 1 March 2015. The event that took place from 8 am until 6 pm was held at the Bukit Indah MTB Bikes' Track. The program that promotes healthy living through cycling was a collaborations between MPAJ with TEKAS and PKBM. MPAJ's president, Tuan Haji Abd. Hamid Bin Hussain; Acting Secretary, En. Johari Bin Atli; and Director of Youth and Community Department, En. Khairilazhar Bin Ismail joined the cycling activity.*



**PROGRAM LOCAL  
AGENDA 21 (LA21) ~  
GOTONG ROYONG DI  
SEKITAR KAWASAN  
AMPANG POINT**

**LOCAL AGENDA 21  
PROGRAM (LA21) ~  
COLLABORATION AT  
AMPANG POINT AREA**

Bagi menghayati konsep Local Agenda 21 (LA21) yang menekankan kerjasama antara pihak kerajaan, swasta dan penduduk setempat, program gotong royong di sekitar kawasan pasaraya Ampang Point telah diadakan pada 8 Mac 2015. Gotong royong yang turut disertai oleh Yang Dipertua MPAJ, Tuan Haji Abd. Hamid Bin Hussain; Ahli-ahli Majlis MPAJ, Pengarah-pengarah dan kakitangan Majlis Perbandaran Ampang Jaya telah menerima sambutan serta kerjasama yang baik daripada peniaga di kawasan tersebut. Ampang Point yang merupakan salah satu mercu tanda di kawasan pentadbiran MPAJ perlu dipertingkatkan daripada sudut kebersihan kawasan sekitarnya bagi memberi imej yang positif kepada Majlis dan penduduk di sekitarnya.

*To practice the concept of Local Agenda 21 (LA21) which emphasized cooperation between governments, private sectors and local communities, collaboration (gotong royong) program at the surrounding area of Ampang Point was held on 8 March 2015. The cleaning program was also attended by MPAJ President, Tuan Haji Abd. Hamid Bin Hussain; MPAJ Council members; directors; and staff of Ampang Jaya Municipal Council. It also received positive response and good cooperation from the traders in the area. Ampang Point as one of the landmarks in MPAJ administrative area needs to be improved in terms of cleanliness of the surrounding area to give a positive image to MPAJ and the residents in the vicinity.*



**KEMPEN SAMBUTAN "EARTH HOUR" 2015** **EARTH HOUR CELEBRATION 2015**

Kempen Sambutan "Earth Hour" 2015 Peringkat MPAJ telah diadakan di Ukay Perdana dengan kerjasama daripada Majlis Gabungan Penduduk-penduduk Ukay Perdana (MGPPUP) pada 22 Mac 2015. Pelbagai aktiviti menarik telah diadakan seperti aktiviti menanam pokok, persembahan angklung, pertandingan mewarna serta pameran oleh Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) dan pihak Landskap Malaysia. Kempen turut diisi dengan sesi taklimat berkaitan "Earth Hour" oleh wakil Agensi Angkasa Negara (ANGKASA). Yang Dipertua MPAJ, Tuan Haji Abd. Hamid Bin Hussain telah menyempurnakan acara perasmian dengan gimik melepaskan burung dari dalam sangkar. Kempen sambutan "Earth Hour" peringkat MPAJ ini berjaya menarik sekitar 230 orang pengunjung daripada kawasan Ukay Perdana.

*MPAJ Earth Hour Celebration 2015 was held in collaboration with the "Majlis Gabungan Penduduk-Penduduk Ukay Perdana" (MGPPUP) on 22 March 2015. Various activities were held such as tree planting, angklung performance, coloring contest and exhibition by Ampang Jaya Municipal Council (MPAJ), National Anti-Doping Agency (AADK) and Lanskap Malaysia. A briefing session on Earth Hour program by a representative from National Space Agency (Angkasa) was also held. MPAJ President, Tuan Haji Abd. Hamid Bin Hussain launched the opening event with a gimmick by releasing birds from a cage. The MPAJ Earth Hour campaign managed to attract 230 visitors from the Ukay Perdana area.*



## KEPERKUMPULAN BOWLING PERKUMPULAN (MEDIA) MPAJ

Untuk memaparkan hubungan dua hala antara Majlis Perbandaran Ampang Jaya dengan media elektronik dan media cetak, pertandingan bowling jemputan (media) telah diadakan pada 19 April 2015 bertempat di Ampang Point. Antara syarikat media yang hadir ialah Berita Harian, Kosmo, Utusan Malaysia, New Straits Times, RTM, Bernama TV dan ASTRO. MPAJ diwakili oleh Tuan Yang Dipertua sendiri, Tuan Haji Abd. Hamid Bin Hussain; Ahli-ahli Majlis MPAJ dan pegawai MPAJ. Hadiah yang ditawarkan kepada pemenang yang keseluruhannya bernilai RM 1,600.00. Berikut adalah keputusan bagi pertandingan (media) 2015 :

Perkumpulan :

Perkumpulan Lelaki :  
(Utusan Malaysia)

Perkumpulan Wanita :  
(RTM)  
(Utusan Malaysia)

## MEDIA BOWLING TOURNAMENT 2015

As one of the effort to strengthen bilateral relations between the Ampang Jaya Municipal Council (MPAJ) with the media, a bowling tournament was held on 19 April 2015 at Ampang Superbowl, Ampang Point. Among the media companies participated were Berita Harian, Kosmo, Utusan Malaysia, New Straits Times, RTM, Bernama TV and ASTRO. MPAJ was represented by the President himself, Tuan Haji Abd. Hamid Bin Hussain; Members of the council and internal head of departments. The prizes are in cash totaling RM 1,600.00 and hampers. Listed below are the results for the media bowling tournament 2015:

- ❖ **Group Category :**
  1. RTM
  2. KOSMO
  3. Utusan Malaysia
- ❖ **Individual Man Category :**
  1. Mohd Isham (Utusan Malaysia)
  2. Azam (RTM)
  3. Azrin (Kosmo)
- ❖ **Individual Woman Category :**
  1. Romainah (RTM)
  2. Liza (Berita Harian)
  3. Norashidah (Utusan Malaysia)

## MPAJ MENDAPAT SIJIL BERSIH KALI KE-12 (11 TAHUN BERTURUT-TURUT)

Mesyuarat Penutupan Audit (Exit Conference) Penyata Kewangan 2014

Pada 23 April 2015 telah berlangsung mesyuarat penutupan audit (exit conference) Penyata Kewangan 2014 yang menyaksikan pihak MPAJ menerima sijil bersih daripada pihak Jabatan Audit Negara untuk kali ke 12 dan ini adalah merupakan tahun ke 11 MPAJ menerima sijil bersih berturut-turut. Secara keseluruhannya pihak Jabatan Audit Negara berpuas hati dengan pengurusan kewangan MPAJ bagi tahun semasa 2014 dan berharap agar amalan-amalan terbaik pengurusan kewangan tersebut dikekalkan pada tahun-tahun mendatang.

## MPAJ RECEIVED CLEAN CERTIFICATE FOR THE 12TH TIMES (11 TIMES IN A ROW)

Exit Conference for 2014 Financial Statement

Exit conference for MPAJ's 2014 Financial Statement was held on 23 April 2015. After receiving positive remarks from the National Audit Department, MPAJ received clean certificate for the 12th time and 11th year consecutively. The National Audit Department is satisfied with the financial management of MPAJ for the year 2014 and hope that the best practices of financial management will be maintained in the years to come.



## KEMPEN "JOM BACA BERSAMA UNTUK 10 MINIT" PERINGKAT MPAJ

Bersempena dengan kempen "Jom Baca Bersama Untuk 10 Minit" yang dijalankan serentak di seluruh Malaysia, MPAJ turut menyahut cabaran kempen tersebut dengan meluangkan masa 10 minit pada 23 April 2015 jam 10 pagi. Seluruh warga kerja MPAJ telah diminta untuk meluangkan masa 10 minit bagi membaca bahan ilmiah di ruang kerja masing-masing dan di mana-mana lokasi sedang berlangsungnya mesyuarat dalaman. Pihak Yang Dipertua sendiri iaitu Tuan Haji Abd. Hamid Bin Hussain telah meluangkan masa bersama-sama kakitangan Bahagian Audit Dalam bagi sama-sama membaca bahan ilmiah. Program yang memasuki

## LET'S READ TOGETHER FOR 10 MINUTES CAMPAIGN (MPAJ LEVEL)

In conjunction with the "Let's Read Together for 10 Minutes" campaign, MPAJ has instructed all employees to spend 10 minutes of their time on 23 April 2015 starting 10 am to read. This was done at their respective work place and at any location if there is any internal meeting in progress. Tuan Haji Abd. Hamid Bin Hussain himself had spent time with the Internal Audit Division to do the reading. This is the second year the program was being held and it is aimed to encourage reading habits among Malaysians.





## JAMBOREE MELAWATI 2015 Sidang Media @ Menara MPAJ

Satu sidang media bagi program Jamboree Melawati 2015 telah diadakan pada 20 April 2015 bertempat di Menara MPAJ bagi mempromosikan program tersebut kepada pihak umum melalui hebah media.

### JAMBOREE MELAWATI 2015

Pada 26 April 2015 telah berlangsung program Jamboree Melawati 2015 yang telah berjaya menarik seramai 1,300 peserta. Program yang bermula jam 7:00 pagi tersebut melibatkan jarak laluan berbasikal sejauh 30 kilometer bermula daripada padang Masjid Al Mardhiah melalui "Kemensah Trail". Pelaksanaan program berbasikal seumpama ini adalah untuk menggilap peminat sukan berbasikal lasak yang berpotensi untuk diketengahkan. Program gaya hidup sihat ini juga memberi peluang kepada peserta untuk menikmati keindahan alam semulajadi. Pelepasan acara jamboree dilepaskan seawal 8:30 pagi selepas selesai bacaan doa selamat oleh Imam 3 Masjid Al Mardhiah iaitu Ustaz Badrul. Kira-kira 345 peserta Jamboree termasuk pelumba kebangsaan seperti Mohd Fauzan Ahmad Lufti, Shahrin Amir, Masziyaton Mohd Radzi, Norazian Alias dan ramai lagi. Peserta Jamboree ini dilepaskan oleh Yang Dipertua MPAJ, Tuan Haji Abd. Hamid Bin Hussain. Selepas itu, En. Mohd Shahreza Maswan selaku Ketua Pembangunan Sime Darby Property pula melepaskan peserta Jamboree seramai 900 orang termasuk marshal dan petugas perubatan berbasikal bagi mengawal keadaan peserta Jamboree. Kesemua peserta diiringi oleh kereta peronda polis Taman Melawati, 4 buah motorsikal berkuasa besar dan para petugas Jamboree sehingga ke kawasan Kampung Kemensah.

#### Keputusan acara Jamboree Kategori Lelaki :

Tempat Pertama : Muhamad Fauzan Ahmad Lufti  
Tempat Kedua : Shahrin Amir  
Tempat Ketiga : Muaz Abd Rahim

#### Keputusan acara Jamboree Kategori Wanita :

Tempat Pertama : Masziyaton  
Tempat Kedua : Nur Deena Safia  
Tempat Ketiga : Nur Azean Alias

## MELAWATI JAMBOREE 2015 Press Conference @ Menara MPAJ

A press conference for the 2015 Melawati Jamboree program was held on 20 April 2015 located at Menara MPAJ to promote the program.

### MELAWATI JAMBOREE 2015

Melawati Jamboree 2015 was held on 26 April 2015 that has successfully attracted 1,300 participants. The program, which began at 7:00 am involved a 30-kilometer cycling routes started from the Masjid Al Mardhiah field area through the Kemensah Trail. One of the main objectives of the event is to search and polish potential mountain bike's enthusiasts. This healthy lifestyle program also gave participants the opportunity to enjoy the natural surroundings of Kemensah area. The President of MPAJ, Tuan Haji Abd. Hamid Bin Hussain flagged off the Jamboree as early as 8:30 am after a prayer by the Imam of Masjid Al Mardhiah 3, Ustaz Badrul. Approximately 345 participants was flagged off including national riders such Mohd Fauzan Ahmad Lufti, Shahrin Amir, Masziyaton Radzi, Norazian Alias and many others. En. Mohd Shahreza Aswan as the Chairman of Sime Darby Property Development then flagged off 900 Jamboree participants, including marshals and medical staff to control the Jamboree participants. All participants were accompanied by a police patrol car, four high-powered motorcycles and officers up to Kampung Kemensah.

#### Jamboree Result for Man Category :

First Place : Muhamad Fauzan Ahmad Lufti  
Second Place : Shahrin Amir  
Third Place : Muaz Abd Rahim

#### Jamboree Result for Woman Category :

First Place : Masziyaton  
Second Place : Nur Deena Safia  
Third Place : Nur Azean Alias



## KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) PERINGKAT MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA (MPAJ) 2015

Pembudayaan inovasi di MPAJ diteruskan pada tahun 2015 dengan penganjuran Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Peringkat MPAJ pada 27 dan 28 April 2015. Program tahunan ini diadakan bagi mencungkil produk dan projek KIK daripada setiap jabatan dan bahagian dalaman MPAJ untuk diangkat ke peringkat yang lebih tinggi. 2015 menyaksikan penyertaan daripada 10 kumpulan KIK iaitu kumpulan (1) Rodensia Zero daripada Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan; (2) EzTrap daripada Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta; (3) COB daripada Bahagian Pesuruhjaya Bangunan; (4) Interaktif daripada Bahagian Audit Dalam dan Bahagian Ukur Bahan; (5) OSC Clan daripada Bahagian Khidmat Setempat (OSC) Pembangunan; (6) B-est daripada Jabatan Bangunan dan Senibina; (7) D'Ezy License Team daripada Jabatan Pelesenan; (8) Quartz daripada Jabatan Kejuruteraan dan Jabatan Perancangan Korporat; (9) Ace10 daripada Jabatan Perbendaharaan; serta (10) Urban Force daripada Jabatan Perancang Bandar. Terdapat 4 penyertaan kategori teknikal manakala 6 penyertaan kategori pengurusan. Sesi persembahan dan soal jawab telah diadakan di Auditorium Aras 5 Menara MPAJ manakala pameran diadakan di ruang legar hadapan Auditorium tersebut. Konvensyen ini telah dirasmikan oleh Pengarah Jabatan Perancangan Korporat MPAJ, Puan Rosliza Binti Mohd.

#### Berikut adalah senarai pemenang :

Johan : Kumpulan Ace10  
Naib Johan : Kumpulan Quartz  
Ke-3 : Kumpulan EzTrap  
Pameran Terbaik : Kumpulan EzTrap  
Persembahan Terbaik : Kumpulan D'Ezy License Team  
Fasilitator Terbaik : Puan Maruziaton Binti Omar (Kumpulan Ace10)

## MPAJ'S INNOVATION AND CREATIVE CIRCLE (ICC) CONVENTION 2015

Aligned with the innovation culture in MPAJ, the Innovative and Creative Circle (ICC) Convention 2015 was held on 27 and 28 April 2015. This annual program was held to uncover the product and project of ICC from each department. Potential ICC products will be polished and represent MPAJ in ICC Convention at state and regional level. 10 groups participated in the 2015 convention that were (1) Rodents Zero from Urban Services and Health Department; (2) EzTrap from Valuation and Property Management Department; (3) COB from Commissioner of Buildings Division; (4) Interactive from Internal Audit Division and Quantity Surveying Division; (5) OSC Clan from One Stop Centre (OSC) Division; (6) B-est from Building and Architecture Department; (7) D'Ezy License Team from Licensing Department; (8) Quartz from Engineering Department and Corporate Planning Department; (9) Ace10 from Treasury Department; and (10) Urban Force from Town Planning Department. There were four participations under the technical category and 6 entries for the management category. Presentation and Question & Answer session was held in the Auditorium, Level 5, Menara MPAJ while the exhibition was held at the foyer of the auditorium. The convention was officiated by the Director of Corporate Planning Department, Pn. Rosliza Binti Mohd.

#### List of Winners :

1<sup>st</sup> place : Ace10  
2<sup>nd</sup> place : Quartz  
3<sup>rd</sup> place : EzTrap  
Best Exhibition : EzTrap  
Best Performance : D'Ezy License Team  
Best Facilitator: Puan Maruziaton Binti Omar (Ace10)





**MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN EXCELLENCE SERVICE AWARD  
CEMERLANG TAHUN 2014 CEREMONY FOR 2014**

MPAJ komited dalam memberikan pengiktirafan kepada pegawai dan kakitangannya yang telah berjaya menunjukkan perkhidmatan dan prestasi yang cemerlang. Sehubungan dengan itu, Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang MPAJ Tahun 2014 telah diadakan pada 30 April 2015 yang lalu bertempat di Auditorium, Aras 5, Menara MPAJ. Seramai 60 orang pegawai dan kakitangan telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang tahun 2014. Selain itu, 3 anugerah khas turut disampaikan iaitu Anugerah Khas Pemandu, Anugerah Khas Sukan dan Anugerah Khas Pujian Orang Awam. Bagi mengenang dan menghargai jasa salah seorang pegawai yang menjadi pengasas kepada penubuhan MPAJ pada tahun 1992, anugerah khas telah diberikan kepada Allahyarhamah Norlela Binti Kamsi yang telah kembali ke rahmatullah. Moga roh beliau dicucuri rahmat dan ditempatkan di kalangan orang-orang yang beriman. Barisan penerima anugerah dan seluruh warga kerja MPAJ kemudiannya telah dijamu dengan jamuan makan tengahari diiringi persembahan nyanyian sebagai penyeri majlis.

*MPAJ is committed in giving recognition to the officers and staff who have shown outstanding service and performance. Accordingly, MPAJ's Excellent Service Award Ceremony for the year 2014 was held on 30 April 2015 at the Auditorium, Level 5, Menara MPAJ. A total of 60 officers and staff received the Distinguished Service Award in 2014. In addition, three special awards were also presented that were the Special Award for Driver, Special Award for Sports and Special Award for Public Commendation. As a token of appreciation to one of the founders of MPAJ in 1992, a special award was given to the late Norlela Binti Kamsi. May her soul rest in peace and placed among those who believe in Allah. Award recipients and all staff of MPAJ were treated lunch with a light entertainment.*



**PERHIMPUNAN BULANAN / MONTHLY ASSEMBLY**

**JANUARI**

Jabatan Kejuruteraan

Auditorium MPAJ

14 Januari 2015



**FEBRUARI**

Jab. Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan

Auditorium MPAJ

10 Mac 2015







**APRIL**



**LAWATAN DARIPADA MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH (MBMB)**

**VISIT FROM MALACCA HISTORIC CITY COUNCIL**

Seramai 25 orang pegawai daripada Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) telah melawat ke MPAJ pada 21 Januari 2015 dengan tujuan menandaaras pelaksanaan pembayaran secara atas talian (e-payment) yang dilaksanakan oleh pihak MPAJ. Deligasi MBMB yang diketuai oleh Puan Nadiyah Binti Abdul Samad telah diberi ucapan aluan oleh En. Mohd Ariff Bin Jaafar selaku Ketua Bahagian Teknologi Maklumat & Komunikasi manakala pembentangan telah dilakukan oleh wakil daripada Jabatan Perbendaharaan, MPAJ. Delegasi turut dibawa melawat ke kaunter "multi-tasking" Aras 4 dan mesin kiosk MPAJ.


A total of 25 officers from the Malacca Historic City Council (MBMB) paid a visit to MPAJ on 21 January 2015 to benchmark our e-payment system. MBMB delegation that was headed by Puan Nadiyah Binti Abdul Samad received an opening speech by En. Mohd Ariff Bin Jaafar as the Head of Information & Communication Technology Division, while presentations were made by MPAJ's Treasury Department. The delegation also visited our multi-tasking counter at Level 4 and kiosk machine.



**OLEH YAHAN, S A N DAN ANDAR INAI, SITE VISIT BY THE CHAIRMAN OF THE STANDING COMMITTEE ON HOUSING, BUILDING AND URBAN LIFE TO INAI APARTMENTS, PANDAN INDAH**

Tetap Bangunan Y.B. Dato' had telah Pangsapuri 10 Februari masalah tersebut. i daripada an Negeri daripada ang Jaya. uan Abdul yertai sesi

Chairman of the Standing Committee on Housing, Building and Urban Life, YB Dato' Iskandar Bin Abdul Samad visited the Inai Apartment, Pandan Indah on 10 February 2015 to solve issues at the housing area. Also present were officials from the Selangor State Secretary Office and officers of Ampang Jaya Municipal Council. Member of the Council, Tuan Abdul Jalil Bin Hasan also joined the visit.



**LAWATAN PENANDAARASAN AMALAN PERSEKITARAN BERKUALITI (APB 5S) DARIPADA TENAGA NASIONAL BERHAD (TNB)**

Seramai 15 orang pegawai daripada Bahagian Usaha Niaga Tenaga, Tenaga Nasional Berhad (TNB) telah hadir ke MPAJ pada 16 April 2015 bagi mempelajari teknik-teknik pelaksanaan Amalan Persekitaran Berkualiti (APB 5S). Lawatan juga bertujuan untuk mendapatkan idea-idea baru pelaksanaan APB 5S di MPAJ selain meningkatkan pengetahuan dari aspek perancangan, pelaksanaan dan pengendalian status pengamal APB 5S. Pihak TNB turut diterangkan tentang sistem pengurusan fail yang efisien selari dengan pembudayaan APB 5S dalam memperkasakan pengurusan dan pentadbiran MPAJ. Sesi pembentangan telah disampaikan oleh Puan Rosliza Binti Mohd, Pengarah Jabatan Perancangan Korporat selaku Pengerusi APB 5S di MPAJ. Turut hadir adalah wakil daripada setiap jawatankuasa APB 5S MPAJ iaitu Jawatankuasa Latihan, Jawatankuasa Audit, Jawatankuasa Naziran dan Jawatankuasa Promosi.

**QUALITY ENVIRONMENT (QE 5S) BENCHMARKING VISIT FROM TENAGA NASIONAL BERHAD (TNB)**

A total of 15 officers from the Energy Trading Division, Tenaga Nasional Berhad (TNB) pay a visit to MPAJ on 16 April 2015 to learn the techniques of Quality Environment (QE 5S) implementation. The visit was also aimed to get new QE 5S ideas in MPAJ as well as to increase knowledge in QE 5S planning, implementation and maintenance in order to maintain ourselves as QE 5S practitioners. MPAJ also shared our experiences on ways of handling an efficient file management system in line with QE 5S culture in strengthening the management and administration of MPAJ. The presentation and explanation was done by Puan Rosliza Binti Mohd, Director of Corporate Planning Department as the MPAJ's QE 5S Chairman. Also present were representatives from MPAJ's QE committees that are the Training Committee, Audit Committee, Inspection Committee and Promotion Committee.





## LAWATAN PANEL ANUGERAH PENGURUSAN PEJABAT DAN PENTADBIRAN CEMERLANG (APPC) 2015

Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) telah menerima lawatan daripada panel Anugerah Pengurusan Pejabat dan Pentadbiran Cemerlang (APPC) pada 21 April 2015. Seramai 8 orang panel telah hadir bagi melaksanakan pemeriksaan yang mana pasukan pemeriksa ini diketuai oleh En. Mohd Hasry Bin Nor Mohd. Panel lain yang turut hadir adalah En. Mohd Asraf Bin Redzuan, En. Mohd Fareez Bin Mohd Ariss, En. Abdulk Razak Bin Maksud, En. Mohd Sabri Bin Harun, Puan Hajah S. Normalis Binti Abd. Samad, En. Mohd Yasin Bin Alwi dan Puan Wan Nurul Asnidayu Binti Wan Zawawi. Sesi lawatan dimulakan dengan ucapan aluan oleh Yang Dipertua MPAJ, Tuan Haji Abd. Hamid Bin Hussain serta pembentangan ringkas daripada Puan Rosliza Binti Mohd, Pengarah Jabatan Perancangan Korporat selaku penyelar APCC di MPAJ. Sesi pemeriksaan dokumen dan pembuktian telah dijalankan di Aras 16 Menara MPAJ iaitu di bilik Mesyuarat Utama, ruang jamuan dan bilik Mesyuarat Jabatan Undang-undang selepas ketua panel selesai memberikan penerangan berkaitan cara pelaksanaan pemeriksaan. Setiap panel dibekalkan dengan fail dokumen pembuktian mengikut kriteria dan seorang pegawai pengiring khas disediakan bagi setiap kriteria bagi mempermudah proses semakan serta pemeriksaan dokumen pembuktian. Sesi auditan yang bermula jam 9:00 pagi itu selesai sekitar jam 2:00 petang.

Berikut adalah Jawatankuasa Kerja APCC 2015 yang telah dilantik bagi penyediaan dokumentasi pembuktian dan pemeriksaan panel :

Penasihat : Tuan Haji Abd. Hamid Bin Hussain  
 Pengerusi : Tuan Hasrolnizam Bin Shaari (Timb. Yang Dipertua MPAJ)  
 JK Pengurusan Organisasi : Pn. Rosliza Binti Mohd  
 JK Pengurusan Kewangan : Pn. Maizatul Hanisa Binti M. Isa  
 JK Pengurusan Sumber Manusia : En. Mohamad Yusuf Bin Sulaiman  
 JK Pengurusan Projek : Ir. Hj Zafrul Fazry Bin Mohd Fauzi  
 JK Pengurusan ICT : En. Mohd Ariff Bin Jaafar  
 JK Pengurusan Rekod : En. Mohamad Yusuf Bin Sulaiman  
 JK Perkhidmatan Teras : En. Othman Bin Idris  
 JK Pengurusan Pelanggan : Pn. Norhayati Binti Ahmad

Secara keseluruhannya, barisan panel APCC berpendapat bahawa pengurusan dan pentadbiran pejabat di MPAJ berada pada tahap yang terbaik.

## VISIT FROM PANEL OF EXCELLENCE OFFICE MANAGEMENT AND ADMINISTRATION AWARD (APPC) 2015

Ampang Jaya Municipal Council (MPAJ) received a visit from the panel of Excellence Office Management and Administration Award (APPC) on 21 April 2015. A total of eight panel members were present for the inspection that was headed by En. Mohd Hasry Bin Nor Mohd. Seven more panels who were present were En. Mohd Asraf Bin Redzuan, En. Mohd Fareez Bin Mohd Ariss, En. Abdulk Razak Bin Maksud, En. Mohd Sabri Bin Harun, Puan Hajah S. Normalis Binti Abd. Samad, En. Mohd Yasin Bin Alwi dan Puan Wan Nurul Asnidayu Binti Wan Zawawi. The visit began with a welcoming speech by the President of MPAJ, Tuan Haji Abd. Hamid Bin Hussain and followed by a presentation from Puan Rosliza Binti Mohd, Director of Corporate Planning Department as the APCC coordinator. Examination and verification on documents were carried out at Level 16, Menara MPAJ after a brief explanation on inspection techniques by En. Mohd Hasry. Panels were supplied with documentary files containing evidence in accordance with each criterias and a liaison officer was assign for each criteria in order to facilitate the audit process on documentary evidence. The auditing session which began at 9:00 am was completed around 2:00 pm.

Listed below are the APCC's 2015 Working Committee that was appointed for the preparation and verifications of documents:

Advisor : Tuan Haji Abd. Hamid Bin Hussain  
 Chairman : Tuan Hasrolnizam Bin Shaari (MPAJ Vice President)  
 Organization Management Committee : Pn. Rosliza Binti Mohd  
 Finance Management Committee : Pn. Maizatul Hanisa Binti M. Isa  
 Human Resource Management Committee : En. Mohamad Yusuf Bin Sulaiman  
 Project Management Committee : Ir. Hj Zafrul Fazry Bin Mohd Fauzi  
 ICT Management Committee : En. Mohd Ariff Bin Jaafar  
 Record Management Committee : En. Mohamad Yusuf Bin Sulaiman  
 Core Services Committee : En. Othman Bin Idris  
 Customer Management Committee : Pn. Norhayati Binti Ahmad


During the closing session, the APCC panel made a conclusion that the management and office administration office in MPAJ is at its best.

## LAWATAN DARIPADA MAJLIS DAERAH KUALA KRAI Kunjungan Hormat Pasca Banjir dan Penandaarasan Aspek Kebersihan

Seramai 32 orang deligasi daripada Majlis Daerah Kuala Krai (MDKK), Kelantan telah mengadakan lawatan ke MPAJ pada 23 April 2015. Deligasi yang diketuai oleh Yang Dipertua MDKK, Tuan Haji Tengku Azmi B. Hj Tengku Jaafar tiba di Menara MPAJ sekitar jam 10 pagi bersama Setiausaha MDKK, 23 orang Ahli Majlis, 5 orang ketua jabatan dan 2 orang urusetia. Sesi lawatan telah dipengerusikan oleh Penolong Setiausaha, Tuan Johari Bin Atli manakala Puan Rosliza Binti Mohd, Pengarah Jabatan Perancangan Korporat MPAJ telah memberikan taklimat ringkas berkaitan peranan Ahli Majlis MPAJ serta penerangan berkaitan pengurusan kutipan sisa pepejal dan pembersihan kawasan di MPAJ. Yang Dipertua MPAJ, Tuan Haji Abd. Hamid Bin Hussain telah sudi meluangkan masa untuk berjumpa dan beramah mesra dengan barisan deligasi yang hadir pada hari tersebut.

## VISIT FROM KUALA KRAI DISTRICT COUNCIL Post-Flood Courtesy Visit and Cleanliness Benchmarking

A total of 32 delegations from Kuala Krai District Council (MDKK), Kelantan visited MPAJ on 23 April 2015. The delegation that was headed by MDKK's President, Tuan Haji Tengku Azmi B. Hj Tengku Jaafar arrived at Menara MPAJ around 10 am along with their Secretary, 23 Council Members, 5 head of departments and 2 secretariats. Session was chaired by Tuan Johari Bin Atli, Assistant Secretary of MPAJ. Puan Rosliza Binti Mohd as the Director of Corporate Planning Department gave a presentation on roles of MPAJ's Council Members, solid waste management and urban cleaning services. MPAJ President, Tuan Haji Abd. Hamid Bin Hussain gave a few minutes of his time to mingle with the delegation.



## SEMINAR UPSR 2015

Prihatin dengan keperluan persediaan bagi menghadapi peperiksaan UPSR, MPAJ telah menganjurkan Seminar UPSR bagi pelajar-pelajar Tahun 6 pada 28 Februari 2015 bertempat di Auditorium Aras 5, Menara MPAJ.

## UPSR SEMINAR 2015

Concerned with the preparation requirements for UPSR exams, MPAJ has organized a seminar for the UPSR candidates of Year 6 on 28 February 2015 at the Auditorium Level 5, Menara MPAJ.



## PESTA PONGGAL

Pesta Ponggal telah dianjurkan oleh pihak MPAJ pada 28 Februari 2015 bertempat di SRJK(T) Taman Melawati. Majlis dihadiri oleh En. Khairilazhar Bin Ismail, Pengarah Jabatan Belia dan Masyarakat MPAJ. Beberapa aktiviti diadakan termasuk upacara memasak beras bersama susu lembu sehingga melimpah dari periuk. Perbuatan membiarkan masakan itu melimpah dikenali sebagai Ponggal dalam bahasa Tamil. Ponggal bermakna 'melimpah-ruah' yang menggambarkan rezeki yang banyak.

## PONGGAL FESTIVAL

*Ponggal festival was organized by MPAJ on 28 February 2015 at SJK (T) Taman Melawati. The ceremony was attended by En. Khairilazhar Bin Ismail, Director of Youth and Community Development Department MPAJ. There were several activities including "pongal" which is a ceremony where rice will be cook with cow's milk until it overflow from the pot. "Ponggal" is a Tamil word means "abound".*



## PERTANDINGAN MENDAKI BUKIT SAGA Anjuran Jawatankuasa Penduduk Zon 23

Jawatankuasa Penduduk (JKP) Zon 23 telah mengadakan Pertandingan Mendaki Bukit Saga pada 15 Mac 2015 dalam usaha mempromosikan kawasan tersebut sebagai kawasan pelancongan alam semulajadi. Turut hadir adalah Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Teratai, Y.B. Puan Tiew Way Keng; Timbalan Yang Dipertua MPAJ, Tuan Haji Hasrolnizam Bin Shaari; dan Ahli Majlis kawasan, Tuan Mohamad Bin Samot @ Samat.

## SAGA HILL CLIMBING COMPETITION Organized by Residents Committee Zone 23

Zone 23 Residents Committee (JKP) hosted the Saga Hill Climbing Competition on 15 March 2015 in order to promote Bukit Saga as a nature tourism spot. Present were Teratai Assemblyman (ADUN), YB Madam Tiew Way Keng; MPAJ Deputy President, Tuan Haji Hasrolnizam Bin Shaari; and MPAJ Council Member, Tuan Mohamad Bin Samot @ Samat.



## PERTANDINGAN BOLA TAMPAR PERSAHABATAN ANTARA MPAJ vs BELIA BUKIT INDAH

Atas semangat kesukanan, pertandingan Bola Tampar Persahabatan antara MPAJ dengan Belia Bukit Indah telah diadakan pada 11 April 2015 bertempat di padang Taman Bukit Indah. MPAJ diwakili oleh beberapa orang Ketua Jabatan dalaman dan pegawai termasuk Yang Dipertua, Tuan Haji Abd. Hamid Bin Hussain.

## VOLLEYBALL FRIENDLY MATCH BETWEEN MPAJ AND BUKIT INDAH YOUTH

*In the name of sportsmanship, a volleyball friendly match between MPAJ and the Youth of Bukit Indah was held on 11 April 2015 at Taman Bukit Indah field area. MPAJ was represented by a few of our own Head of Departments including the President, Tuan Haji Abd. Hamid Bin Hussain.*



